



--

--	--	--	--	--

--	--	--	--

0546/23

May/June 2016

1 hour

Candidates answer on the Question Paper.

No Additional Materials are required.

READ THESE INSTRUCTIONS FIRST

Write your Centre number, candidate number and name on all the work you hand in.

Write in dark blue or black pen.

Do not use staples, paper clips, glue or correction fluid.

DO **NOT** WRITE IN ANY BARCODES.

Answer **all** questions.

At the end of the examination, fasten all your work securely together.

The number of marks is given in brackets [] at the end of each question or part question.

This document consists of **14** printed pages and **2** blank pages.

BLANK PAGE





Bahagian 1

Latihan 1 Soalan 1–5

Baca soalan-soalan berikut. **Tanda** kotak jawapan yang betul.

1 Anda nampak tulisan ini di kedai:

LAMPU

A				
B				
C				
D				





[1]

2 Sarah suka memancing ikan. Dia pergi ke:

A	sungai
B	jalanraya
C	pasaraya
D	restoran

[1]

3 Abang anda seorang guru. Dia bekerja di:

A				
B				
C				
D				

[1]





4 Maryam tidak boleh makan pedas.

A ☐

B ☐

C ☐

D ☐



[1]





5 Kita mesti buang sampah di dalam:

A ☐

B ☐

C ☐

D ☐









[1]

[Total: 5]

Latihan 2 Soalan 6–10

Lihat gambar-gambar berikut:



Tulis huruf yang betul (A, B, C, D, E atau F) di dalam kotak yang berkaitan.

6 Jari Farah luka.

7 Lesley mahu menulis surat.

8 Adam berasa dahaga.

9 Amy mahu cuci pinggan.

10 Lam suka minum kopi manis.

[Total: 5]

Latihan 3 Soalan 11–15

Aini menulis e-mel ini kepada kawannya Susi. Baca e-mel ini dengan teliti.

Susi,

Saya telah menjadi ahli kelab kesihatan di bandar saya. Saya nampak iklan televisyen mengenai kelab ini dan yang menarik saya mengenai kelab ini ialah kolam renang dan juga medan badminton.

Saya juga telah mendapat kawan-kawan baru yang mengajar saya cara berenang dengan baik.

Saya rasa kamu harus datang dan jadi ahli. Kita boleh sama-sama berenang setiap hujung minggu. Kita juga boleh main badminton bersama dan berlatih untuk pertandingan badminton pada akhir tahun ini. Saya akan hantarkan borang kepada kamu.

Aini

Tanda kotak yang betul.

11 Aini memberitahu Susi...

A ☐ dia menjadi ahli kelab kesihatan.

B ☐ dia mahu pergi bercuti.

C ☐ dia mahu menulis buku.

[1]

12 Aini tahu mengenai kelab ini selepas melihat...

A ☐ iklan.

B ☐ surat khabar.

C ☐ gambar.

[1]

13 Siapakah yang mengajar Aini berenang dengan baik?

A ☐ Guru berenang

B ☐ Kawan baru

C ☐ Ibu-bapa Aini

[1]

14 Aini mahu Susi...

A ☐ mengajar dia berenang.

B ☐ bertanding dalam acara renang.

C ☐ menjadi ahli kelab itu.

[1]

15 Apakah yang akan berlaku pada akhir tahun?

A ☐ Majlis untuk ahli kelab

B ☐ Perlawanan badminton

C ☐ Latihan bola sepak

[1]

[Total: 5]

Bahagian 2

Latihan 1 Soalan 16–20

Baca notis berikut.

Hadiah kepada sesiapa yang jumpa kucing saya

Saya hilang seekor kucing bernama Melur. Ia kucing putih yang besar. Melur ada tanda hitam di kaki kirinya dan ekornya agak panjang.

Melur selalu bermain di sekitar rumah saya dan tidak akan melintas jalan. Melur ialah kucing yang penakut.

Melur sudah tidak pulang selama tiga hari. Saya sungguh bimbang sebab Melur hanya boleh makan makanan kucing di dalam tin.

Kepada sesiapa yang menjumpai atau nampak kucing seperti Melur, tolong hubungi saya. Nombor telefon saya ialah 019-348764. Saya akan memberi hadiah wang RM50. Semua adik-beradik saya rindu Melur dan bimbang kucing kami telah diambil oleh orang lain atau dilanggar kenderaan. Tolonglah kembalikan atau cari Melur untuk kami.

Manisah

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan perkataan Melayu yang sesuai di bawah.

hitam	lintas	panggil	terakhir
besar	hubunginya	penakut	rindu
	kenderaan	takut	

- 16 Manisah telah hilang seekor binatang yang dia Melur. [1]
- 17 Di kaki kiri Melur ada tanda [1]
- 18 Melur dikatakan sebagai seekor kucing yang [1]
- 19 Manisah meminta sesiapa yang nampak atau jumpa Melur untuk melalui telefon. [1]
- 20 Adik-beradik Manisah kucingnya dilanggar kereta. [1]

[Total: 5]

Sila buka halaman untuk Latihan 2.

Latihan 2 Soalan 21–29

Baca rencana berikut dan jawab soalan-soalan dalam **Bahasa Melayu**.

Percutian yang tidak dapat dilupakan

Cuti sekolah yang lalu ialah masa yang penuh dengan pengalaman menarik bagi saya. Abang saya menjemput saya bercuti dengan keluarganya di sebuah pulau di mana dia menjadi pengurus sebuah taman haiwan.

Abang saya mahu saya menolongnya menjaga monyet. Saya mula dengan memberi makanan kepada mereka setiap hari dan membersihkan kawasan tempat mereka tinggal.

Oleh kerana setiap hari mereka nampak saya membawa makanan mereka, mereka mula kenal saya. Mereka melompat-lompat apabila mereka nampak saya datang dengan makanan mereka. Monyet suka pisang tetapi saya mendapat tahu mereka juga suka makan serangga! Selama saya di pulau itu, mereka sudah menjadi seperti kawan-kawan saya.

Saya suka melihat mereka melompat dari satu pokok ke pokok yang lain. Tetapi yang lebih menarik ialah sikap kasih sayang mereka, terutama sekali terhadap anak-anak mereka.

Pada akhir percutian saya, saya rasa sangat sedih untuk meninggalkan pulau ini. Saya menghabiskan masa dengan haiwan-haiwan yang sudah menjadi kawan baik saya. Saya berasa saya telah banyak belajar tentang sifat dan tabiat haiwan.

Saya pasti saya akan kembali untuk menolong abang saya menjaga haiwan-haiwannya.

21 Di manakah taman haiwan yang diuruskan oleh abang penulis?

.....[1]

22 Mengapakah abang penulis mahu dia bekerja di taman haiwan itu?

.....[1]

23 Apakah tugas penulis semasa bekerja di taman haiwan itu? Beri **dua** jawapan.

(i)[1]

(ii)[1]

- 24 Bagaimanakah sikap monyet semasa melihat penulis membawa makanan?
.....[1]
- 25 Selain daripada pisang, monyet juga suka makan apa?
.....[1]
- 26 Bagaimanakah hubungan penulis dengan haiwan-haiwan itu?
.....[1]
- 27 Apakah yang penulis rasa paling menarik tentang haiwan-haiwan ini?
.....[1]
- 28 Apakah yang dipelajari oleh penulis selepas pengalaman bekerja di taman haiwan?
.....[1]
- 29 Apakah dia akan buat pada masa depan?
.....[1]

[Total: 10]

Bahagian 3**Latihan 1 Soalan 30–34**

Rencana ini terdapat dalam majalah sekolah anda. Baca rencana di bawah dengan teliti.

Hassan, Amer dan Dillon selalu belajar bersama-sama selepas sekolah. Mereka mahu berjaya dalam hidup mereka dan untuk berjaya mereka mestilah rajin belajar. Kadang-kadang mereka mengulangkaji di sekolah dan kadang-kadang mereka mengulangkaji di rumah.

Hassan pandai dalam mata pelajaran sejarah, Amer pula pandai dalam mata pelajaran sains sementara Dillon pandai dalam mata pelajaran matematik. Oleh kerana mereka tidak mampu untuk membayar yuran tuisyen, mereka membuat keputusan untuk menolong satu sama lain. Sejak kecil lagi mereka saling pinjam-meminjam bahan-bahan untuk belajar. Dengan cara ini mereka tidak perlu membeli buku-buku yang sudah ada. Mereka juga banyak menggunakan perpustakaan.

Selepas beberapa bulan, mereka dapati bahawa markah mereka dalam peperiksaan semakin baik. Dalam peperiksaan mereka yang terakhir, mereka telah mendapat keputusan yang terbaik dan telah diterima oleh universiti-universiti yang terkemuka di luar negara. Walaupun ketiga-tiga orang sahabat ini tidak dapat belajar di universiti yang sama di England, mereka berjanji akan terus kekal sebagai kawan rapat.

Sebelum memasuki universiti, mereka membuat keputusan untuk sama-sama menolong pelajar-pelajar lain di sekolah mereka. Mereka tahu ramai pelajar yang tidak mampu membayar yuran tuisyen dan terpaksa belajar sendiri tanpa buku-buku rujukan yang penting. Mereka bekerjasama dengan guru-guru di sekolah lama mereka untuk memilih para pelajar yang perlu bantuan mereka dan mengajar mereka pada hujung minggu di rumah Dillon.

Mereka tidak dikenakan apa-apa bayaran. Mereka rasa bahawa mereka perlu memberi bantuan kepada pelajar-pelajar ini supaya mereka boleh mengubah nasib mereka di masa depan. Sekolah mereka berbangga dengan usaha ketiga-tiga pelajar ini, dan memberi mereka hadiah istimewa sebagai penghargaan. Sekolah mereka berharap para pelajar yang berfaedah daripada usaha mereka ini akan juga mengongsi pengalaman mereka dengan pelajar-pelajar lain. Dengan cara ini lebih ramai yang akan berfaedah.

Jawab soalan-soalan berikut dengan menandakan **BETUL** atau **SALAH**. Jika kenyataan itu **SALAH**, betulkannya berdasarkan teks di atas.

(Terdapat 2 kenyataan yang betul dan 3 kenyataan yang salah)

Contoh:

BETUL

SALAH

Hassan, Amer dan Dillon belajar di tempat lain-lain.

☐
☒

Hassan, Amer dan Dillon selalu belajar bersama-sama.

BETUL

SALAH

30 Mereka hanya menolong satu sama lain di sekolah.

☐
☐

BETUL

SALAH

31 Hassan, Amer dan Dillon tidak ikuti kelas tuisyen kerana mereka tidak ada wang.

☐
☐

BETUL

SALAH

32 Selepas belajar bersama, keputusan peperiksaan mereka bertambah baik.

☐
☐

BETUL

SALAH

33 Sebelum memasuki universiti mereka pergi bercuti bersama-sama.

☐
☐

BETUL

SALAH

34 Sekolah membayar mereka untuk mengajar.

☐
☐

[Total: 8]

Latihan 2 Soalan 35–41

Baca teks di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Adam ialah setiausaha Kesatuan Seni Fotografi di sekolahnya. Setiap akhir tahun dia diminta menulis laporan mengenai kegiatan-kegiatan kesatuan itu. Sejak kesatuan itu ditubuhkan, lebih ramai para pelajar yang berminat untuk menjadi anggota kerana mereka memang suka mengambil gambar sebagai hobi. Ada juga anggota yang boleh menjual gambar-gambar mereka kepada majalah-majalah tempatan untuk mendapat wang. Inilah yang menggalakkan para pelajar untuk menyertai kelab ini.

Sekarang ini, lebih ramai orang minat mengambil gambar dengan adanya pelbagai alat untuk mengambil gambar, seperti telefon bimbit. Kita tidak lagi perlu menggunakan kamera yang mahal untuk mengambil gambar yang cantik. Apa yang diperlukan ialah minat.

Walaupun bagaimanapun, Kesatuan Seni Fotografi cuba menghidupkan balik penggunaan kamera lama oleh anggota-anggotanya. Kebanyakan anggota mempunyai kamera-kamera lama milik ibu-bapa mereka. Mereka minat cara menggunakan kamera lama dan selepas itu menghasilkan gambar-gambar mereka sendiri di dalam bilik gelap.

Kesatuan ini mengadakan kelas-kelas untuk mengajar cara mengguna kamera lama dan cara menghasilkan gambar hitam putih. Ramai yang berminat untuk menyaksikan bagaimana gambar boleh dihasilkan. Gambar-gambar ini boleh disimpan di dalam album ataupun digantung di dinding.

Selain daripada kelas-kelas untuk mengguna kamera lama, anggota-anggota kesatuan juga belajar cara mengguna kamera digital untuk menghasilkan gambar-gambar yang menarik. Kamera digital yang dijual di kedai-kedai sangat mahal. Para pelajar boleh meminjam kamera kesatuan untuk projek mereka.

Anggota-anggota disuruh mengguna beberapa tema untuk projek akhir tahun seperti manusia dan alam sekitar, memelihara warisan dan alam semula jadi.

Projek ini telah membantu anggota-anggota untuk meningkatkan daya kreativiti mereka dan pada masa yang sama mereka lebih menghargai alam sekitar.

Adam sendiri telah mengumpul gambar-gambar matahari jatuh di beberapa buah tempat yang dia telah melawat. Gambar-gambarnya yang disimpan dalam album online telah menarik minat ramai.

Pada akhir tahun, kesatuan ini akan hasilkan beberapa album yang mengandungi gambar-gambar terbaik dari projek ini dan pemenang akan mendapat hadiah alat-alat kamera pilihan mereka sendiri.

35 Selain daripada menikmati hobi mengambil gambar, apakah sebab lain pelajar mahu menyertai Kesatuan Seni Fotografi?

.....[1]

36 Dalam seni fotografi, apakah yang lebih penting daripada kamera yang mahal?

.....[1]

37 Apakah yang Kesatuan Seni Fotografi galakkan anggota-anggotanya buat?

.....[1]

38 Bagaimanakah mereka yang tidak ada kamera sendiri boleh menyertai projek kesatuan?

.....[1]

39 Selain daripada meningkatkan kemahiran teknikal, bagaimanakah projek ini membantu anggota-anggota?

.....[1]

40 Bagaimanakah Adam mengongsi apa yang telah dihasilkannya?

.....[1]

41 Apakah yang menjadi tarikan untuk anggota-anggota yang mahu menang dalam projek akhir tahun?

.....[1]

[Total: 7]

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge International Examinations Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cie.org.uk after the live examination series.

Cambridge International Examinations is part of the Cambridge Assessment Group. Cambridge Assessment is the brand name of University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is itself a department of the University of Cambridge.